

11 Ogos 2009

Koroner : Tuan Azmil Muntapha bin Abas

Timbalan Pendakwaraya (TPR) : Tuan Mohd Abazafree bin Mohd Abas
(dilantik oleh Kerajaan Malaysia) Encik Tan Hock Chuan
Encik Cains Tan
Encik Justin Wee

Peguam Pemerhati
(untuk keluarga simati) : Encik Gobind Singh Deo

Peguam Pemerhati
(kerajaan Negeri Selangor) : Encik Malik Imtiaz Sarwar
Cik Asma binti Mohd Yunus
Encik Ashok Kandiah
Encik Sreekant Pillay

Peguam Pemerhati
(Majlis Peguam) : Encik Cheow Wee
Encik Syahredzan Johan
Encik Rajpal Singh
Cik June Low (pelatih dalam kamar)

09.05 am

Mahkamah : Pihak-pihak telah pergi mengambil sample di SPRM.

Deputy Public Prosecutor:

Pada hari semalam Mahkamah telah membuat perintah ekoran daripada permohonan rakan saya Encik. Gobind Singh Deo supaya pakar kedua-dua pihak dikehendaki hadir di Plaza Masalam. Ada lokasi-lokasi yang ditentukan untuk siasatan forensik. Jadi hari ini tugas kami untuk melaporkan kepada koroner. Pihak-pihak telah sampai lebihkurang 11.30 pagi di Plaza Masalam. Pasukan forensik serta pasukan pakar dari pihak kerajaan juga telah hadir. Saya ingin memaklumkan bahawa pakar daripada pihak interested parties Tn. Hamidon Ana dan juga Mr. Chalarm Sooksant, pakar bagi pihak keluarga simati dan kerajaan negeri selangor dan juga hadir sepanjang siasatan forensik ini. Ada beberapa lokasi telah disiasat secara forensik.

1) Pejabat SPRM tingkat 15- ditempat kejadian yang pertama ini.

12.25 tengahari - Pasukan forensik polis diketuai oleh DSP Sharul Osman bersama pasukan beliau dan juga pegawai penyiasat Tuan Ahmad Nazri dan kedua-dua pakar yang dilantik oleh pihak keluarga dan kerajaan negeri selangor. Pemeriksaan telah dibuat kesan yang disyaki darah di bahagian dinding dan pintu dalam pejabat SPRM di tingkat 15 dengan menggunakan 'polight wave length (000mm) dan juga UV (350mm). Hasilnya adalah negative. Pemeriksian juga telah menggunakan lampu 'wave length' 415mm, 450mm, 470mm, 490mm. Ada empat 'range'. Kesemuanya hasilnya adalah negatif.

12.40 tgh – pemeriksaan ke atas kesan darah yang dikatakan telah dibuat menggunakan hemocult sensor juga negative .

12.45 tgh – pasukan telah membuat scanning di pejabat SPRM tingkat 15 dengan menggunakan 'poli light' tiada sebarang barang bukti dijumpai.

12.50 tgh – pasukan telah selesai membuat pemeriksaan di di Pejabat SPRM tingkat 15

2) Tempat kejadian kedua yang pasukan forensic telah pergi - tangga laluan kedua kecemasan – di hadapan pejabat SPRM di tingkat 15.

12.55 tgh – pasukan pemeriksaan telah memasuki laluan tangga laluan kecemasan terdapat kesan-kesan yang dikatakan kesan darah di atas lantai dan tangga naik ke tingkat 16.

1.00 tgh – pasukan membuat pemeriksaan ke atas kesan-kesan tersebut dengan menggunakan kaedah-kaedah yang sama. Hasilnya kesemua negatif.

1.10 tgh – juruanalisa daripada jabatan kimia Dr. Seah Lay Hong dan Encik Sasitaran telah menjalankan ujian ke atas kesan-kesan tersebut menggunakan kaedah 'kastle meyer'. Hasilnya juga negatif.

1.15 tgh – juruanalisa jabatan kimia membuat ujian menggunakan kaedah 'kastle meyer' ke atas kesan tangga menaiki tingkat 15. Hasilnya juga negatif.

1.20 ptg – juruanalisa daripada jabatan kimia seterusnya membuat ujian ke atas kesan diruangan tangga tingkat 14 menggunakan kaedah yang sama. Hasilnya juga negative.

3) Tempat kejadian yang ketiga -pejabat SPRM tingkat 14.

- ada berberapa tempat SPRM tingkat 14 yang telah diperiksa.

- dikawasan bahagian dinding yang disyaki tempat kejadian.

- pemeriksaan diruangan kawasan ping pong.
- kawasan dekat tempat sofa dimana saksi akan memberitahu keterangan atau merehat.

Pasukan telah menggunakan kaedah ujian yang 'hamocult sense' ditempat dekat tingkap. Hasilnya negatif.

Pemeriksaan diruangan meja ping pong menggunakan 'poli light". Hasilnya juga negatif.

Tempat lokasi yang keempat (Atas permintaan interested parties) mereka telah pergi ke tingkat 5 koridor.

2.05 ptg – pasukan telah membuat pemeriksaan dan pasukan telah menjumpai 4 helaian 'fiber'. Atau 4 utas benang. Dari segi kesan tidak ada yang mereka minta tidak terpakai di tingkat 5.

Boleh saya merumuskan, hasil pemeriksaan semalam kita habis 2.55 ptg. Secara ulasan atau rumusan, kesemua ujian yang telah dilakukan telah dibuat oleh pasukan forensik polis dan pegawai penyiasat dalam kehadiran kedua-dua pakar interested parties. Hasil kesemua ujian adalah negatif. Mengenai 4 utas benang dengan persetujuan tuan koroner kita tiada bantahan kalau pihak interested parties, hendak seluar yang di pakai simati (I-16) di pihak Mahkamah.

Mahkamah : Untuk diuji oleh pihak chemist kerajaan – (I 16).

Deputy Public Prosecutor : Kita akan bangkitkan perkara ini selepas ketiga-tiga saksi post mortem.

Deputy Public Prosecutor : Dengan izin Mahkamah ingin membuat sedikit ulasan, kita tidak akan membuat apa-apa blood testing, no more further testing.

Arahan Mahkamah ialah : - lab test whether human blood, if human blood, whether is Teoh's blood.

Dengan senang no problem we go further testing.

That all.

Malik Imtiaz : Tetapi saya ingin ...tingkat 15 hanya terhad di bahagian depan sahaja dan bukannya inner part of the office. And investigation terhad setakat itu sahaja.

Deputy Public Prosecutor : Tiada keterangan langsung bagi pasukan siasatan polis bahawa simati telah dibawa ke tingkat 15. There is I'm sure pursued is none.

Mahkamah : Itu saja laporan berkenaan hasil siasatan yang dilakukan semalam, tiada apa-apa element baru diberikan untuk membantu inquest pada masa kini, fiber sahaja dan belum tentukan origin fiber (I-16). Dari segi penemuan daripada hasil yang lain adalah negatif. Oleh yang demikian, pihak-pihak tidak perlu tunggu kita perlu teruskan dengan saksi yang kita sepatut panggil semalam. Berkenaan saksi yang dinyatakan semalam, oleh pihak pendakwaraya dimana penglibatan adalah tidak begitu membantu, A46, A48, A52, A656, A57, A60, A61, A70, A72-73, A76-77, A80-81. Saya tiada bantahan dengan permohonan Deputy Public Prosecutor pengecualian kehadiran. But subject to recall sekiranya ada progress dan kita perlu recall kita inform before hand. Buat masa ini kita boleh kecualikan kehadiran. Kita boleh panggil saksi ke 10.

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

SI 10

Nama : Khairul Azman bin Hj. Ibrahim
Umur : 51 tahun
Pekerjaan : Pakar Perunding Kanan, Perubatan Forensik
Alamat : Jabatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang

Angkat sumpah dan beri keterangan dalam Bahasa Melayu.

PEMERIKSAAN UTAMA :

Q : Sila nyatakan kelayakan Dr. Khairul?

A : Saya mempunyai Diploma In Science dari UITM, MD dari UKM, Diploma in legal medicine dari University of Sheffield, Master in Medical Science dari University of Sheffield, Diploma in Medical Jurisprudence dari Society of Apothecaries of London,

Q : Kamu adalah perundingan kanan pakar forensic, dari hospital mana?

A : Hospital Tengku Ampuan Rahimah di Klang.

Q : Adakah doctor ketua jabatan forensik di jabatan tersebut?

A : Ya.

Q : Sejak bila berkhidmat sebagai pakar perunding forensik?

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

- A : Saya berkhidmat sebagai pakar forensik sejak tahun 1995 dan bermula berkerja di hospital Kuala Lumpur dan kemudian Hospital Ipoh dan sekarang di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.
- Q : Sehingga hari ini lebih kurang berapa bedah siasat yang doktor telah jalankan?
- A : Lebih 3000 bedah siasat telah dijalankan.
- Q : Adakah kamu telah memberi keterangan di Mahkamah?
- A : Saya sering memberi keterangan di Mahkamah termasuk MahkamahTinggi.
- Q : Dalam menjalankan tugas kamu sebagai pakar perunding kanan pakar forensik, pada 17.7 2009 jam lebihkurang 12.00 tgh adakah kamu menjalankan apa-apa bedah siasat?
- A : Ya, Saya ada menjalankan satu besah siasat terhadap satu lelaki bangsa cina yang bernama Teoh Beng Hock. Boleh saya rujuk post mortem. Bersangkut seksyen 11 report 5146/09.
- Q : Ada nombor kad pengenalan si mati?
- A : Kad pengenalan simati adalah 790420-04-5109
- Q : Mana bedah siasat ini dijalankan?

A: : Bedah siasat ini di jalankan di bilik bedah mayat, Hospital Tengku Rahimah Klang.

Q : Adakah doktor menjalankan siasatan ini secara sendiri atau dengan doktor lain?

A : Saya menjalankan bedah siasat bersama Doktor Prashant Naresh Samberkar dari unit forensik PPUM Kuala Lumpur.

Q : Samada ini kebiasaan atau tidak bedah siasat bersama pakar bedah yang lain?

A : Inilah adalah pertama kali bedah siasat yang saya alami dijalankan bersama doktor dari luar.

Q : Kenapa dalam kes ini Dr. Prashant menjalankan bedah siasat bersama doktor khairul?

A : Bedah siasat ini dijalankan bersama adalah atas permintaan waris si mati iaitu abang simati menghendaki Dr. Prashant hadir bersama.

Q : Ingat nama abang?

A : Nama abangnya adalah Teoh Meng Tee.

Deputy Public Prosecutor : Reserved identification.

Q : Kita lihat laporan bedah siasat ini, di muka surat di bawah, adakah abang Teoh Meng Kee itu hadir untuk mengecam mayat?

A : Ya, abang hadir untuk mengecam mayat.

DPP : Pohon ditandakan dahulu?

Q : Adakah ini laporan bedah siasat yang dijalankan bertarikh 24 Julai 2009?

A : Ya, ini adalah laporan yang kami sama-sama sediakan.

Q : Laporan yang disediakan oleh Dr. Khairul dan Dr. Prashant?

Mahkamah : ID 42.

Q : Dr. Khairul, pukul berapakah bedah siasat ini dimulakan?

A : Bedah siasat ini dijalankan pada pukul 12.00 tgh, 17.07.2009 dan berakhir pada pukul 4.50 ptg.

Q : Pukul berapakah mayat sampai di bilik mayat?

A : Mayat sampai di bilik mayat pada 16.7.2009 pada pukul 1.45 tengahari.

Q : Sila doktor beritahu mahkamah, apakah hasil external examination (pemeriksaan luar)?

A : Pemeriksaan luar menunjukkan si mati adalah seorang lelaki Cina. Saiz sederhana berukuran 174 sentimeter panjang, berat dianggarkan 70 kg, mempunyai rambut pendek, mata warna coklat hitam dan gigi bahagian depan sebelah kanan telah patah. Kaku mayat telah berlaku di kedua belah bahagian tangan dan kaki, ...dan lebam mayat telah tetap dan didapati pada sebelah kanan depan badan, depan lengan kiri, bahagian tengah hujung lengan kiri, tapak tangan kiri, bahu kanan, bahagian luar lengan kanan, tapak tangan kanan, depan peha kanan serta depan ketiung kanan, bahagian peha kiri, lutut kiri dan tepi belakang badan sebelah kanan. Terdapat juga darah beku pada bahagian muka sebelah kanan dan pada lubang hidungnya. Juga terdapat kesan darah yang telah kering pada peha kanan, bahagian dalam peha kiri dan lutut, Terdapat kasut warna hitam pada kaki kanan dia dan kaki kirinya tidak berkasut. Anak matanya kecil dan terdapat particle di warna coklat sedikit berukuran 5x2 mm pada bahagian kulit mata bahagian atas sebelah kanan. Terdapat juga 'crepitus' ini adalah kesan udara yang terdapat di bawah kulit pada sebelah kiri dada.

Q : Dalam laporan kamu doktor kata 'rigor mortis'?

A : 'Rigor mortis' adalah kaku mayat yang wujud lebihkurang 4 hingga 8 jam selepas mati.

Q : Apa yang dimaksudkan post mortem 'lividity'?

- A : Lebam mayat yang disebabkan oleh darah mengalir di bahagian Bawah oleh gravity dan ianya wujud mulanya nampak selepas 30 minit selepas dan mati menjadi tetap selepas 2 atau 3 jam selepas mati.
- Q : Apakah ini 'crepitus'?
- A : 'Crepitus' adalah keadaan di mana udara atau udara terperangkap di bawah kulit dan bila kita rasa dan akan rasa kelainannya.
- Q : Seterusnya pemeriksaan luar, apakah benda-benda atau baju atau benda yang kamu jumpai ke atas mayat?
- A : Pada mayat pada waktu itu masih mempunyai kasut sebelah kanan jenama "Lee Cooper" dan tapak kasut tersebut terdapat calar putih ukuran lebihkurang 7 x 4 cm pada bahagian tengah dan luar kasut dan juga terdapat sedikit calar putih pada bahagian tumit. Bahagian di luar tapak kasut sebelah kanan didapati koyak dan hanya meninggalkan bahagian kain diluar tapak kasut tersebut yang masih melekat pada depan tapak kasut dan juga pada sedikit pada tumit. Simati juga memakai stoking berwarna kelabu. Terdapat di kedua belah kakinya jenama Byford. Stoking di kaki kananya iaitu bahagian atas didapati basah disebabkan darah dan juga terdapat koyak pada elastik band distoking tersebut.

Encik Gobind Singh Deo :

Didapati saksi bahawa menterjemah post mortem beliau. Very significant details are being left out. For example.

- 1) Dinyatakan right shoe – sole showed bukan scratch tepi a white chalky scratch, ini tidak dinyatakan oleh saksi.

Encik Gobind Singh Deo :

Second paragraph, the outer layer of the sole of the right shoe is torn, leaving behind a thin layer of cream coloured cloth, also not stated. What's on the record must be a reflection of the report, Dr. Prashant can't speak bahasa Malaysia, he will come to court and speak in English, the report is in English, perhaps court can consider for the witness to speak in English because the report is in English, if it's in bahasa Malaysia, it has to be accurate, hope court can advise witness to speak squarely of his report.

Timbalan Pendakwaraya:

There's no question that the DPP or witness hiding anything's post mortem report supplied to all parties and marked as exhibit, as for 'white chalky scratch', agree it's not an accurate translation, witness choice of language, section 6 of national language Act, should use bahasa unless comfortable using either language, don't know whether we can compel witness, but the point is that, Dr, should translate verbatim, we cannot force witness to speak in a language he does not know.

Encik Rajpal:

Witness prepared this report in English, he signs. If he translates every page it wastes everybody's time unless witness would reconsider giving evidence in English, in national language act, we can prepare laporan bedah siasat in bahasa Malaysia, his cause pathologist can't speak in bahasa Malaysia.

Encik Malik Intiaz:

It's not a question of forcing the witness to speak in a language he's comfortable but the formal part of evidence are in English, we must ensure consistency in analysis, can't place Dr. Prashant in a disadvantage as well, then there's the non formal part, then witness cause choose to speak in Malay.

Mahkamah : Doktor ada permintaan daripada pihak-pihak peguam yang terlibat untuk pihak keluarga dan pihak kerajaan negeri dan pihak bar council. Samada doktor boleh bertutur dalam bahasa inggeris. Terutama yang berkaitan dengan laporan yang telah dibuat. Itu terpulang samada doktor boleh atau atau tidak, saya tidak paksa. Jika cakap dalam bahasa Malaysia, apa-apa berkaitan dengan laporan perlu lebih jelas.

SI 10 : Izinkan saya untuk guna mixed bahasa.

Mahkamah : Sekiranya agak susah untuk terjemahkan teruskan dengan inggeris.

SI 10 : The outer layer of the sole of right shoe is torn and leaving behind a Thin layer of cream coloured cloth attached to the heed.....was absent.

Deputy Public Prosecutor : Izinkan tanda gambar post mortem.

Mahkamah : ID 43 – gambar post mortem.

Deputy Public Prosecutor :

Encik Gobind Singh Deo : Kalau saksi boleh sah gambar tidak kisah.

Deputy Public Prosecutor : Doktor boleh gunakan gambar sebagai panduan. Kalau telah habis perenggan kedua sebelum. We can repeat.

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

Mahkamah : Para 2, doktor.

SI 10 : Gambar 4 menunjukkan kasut sebelah kanan simati bahagian lapisan luar adalah koyak dan meninggalkan sebahagian daripada lapisan yang nipis berwarna cream. Kain yang masih melekat pada bahagian tumit dan juga bahagian depan tapak kasut dan bahagian tengah kain di bahagian tapak kasut semua telah tiada. Simati juga memakai 2 stoking di kedua belah kakinya berjenama 'byford' dan ini kita boleh nampak dalam gambar 5 dan 6. Stoking kaki sebelah kirinya ada 'byford' dan gambar 8 adalah kedua belah stoking yang telah ditanggalkan dan stoking sebelah bawah kanan menunjukkan ianya koyak dan terdapat serpihan tulang kaki simati. Stoking di kaki kiri simati iaitu no. 6 telah koyak ditapak kaki tersebut.

Seterusnya, round collar long sleeve black coat adalah seperti yang terdapat di gambar 10, dan lihat simati digambar....telah memakai coat berjenama 'Play Boy' saiz m dan pada bahagian atas baju tersebut terdapat berjenama 'HUA DE GONG ZI' jelas dalam gambar 11 ada terdapat sedikit kesan darah pada collard baju tersebut yang mana tidak jelas.

Juga terdapat sedikit kesan, iaitu small white, chalky material on the upper half of the back of right upper limb of the coat. Seperti di dalam gambar 13, sedikit kesan chalky material. Si mati juga memakai gray shirt, baju lengan pendek warna kelabu jenama 'PINK DRAGON FLY', saiz 39 seperti di dalam gambar 14.

1st collar button tidak berkancing. Semasa kita tanggalkan baju tersebut dan 2nd button was missing. But butang baju 4 dan 7 dan ke bawah were fastened baju juga tidak di tucked in dan juga terdapat satu pen SPRM pada baju tersebut.

Boleh nampak dalam gambar no. 3. Pen still present in left shirt pocket, the right collar is blood stained, gambar 14, dan simati juga memakai black colored belt saiz 44 kali

110 cm berjenama 'SUAVE' dan menunjukkan kesan koyak pada buckle dan tali pinggang masih terlekat pada pinggang simati.

Seterusnya, ini boleh jelas tali pinggang tersebut, boleh nampak di dalam gambar 1 masih terlekat dan putus pada lubang buckle. Seterusnya simati memakai green colored long pants di dalam gambar no. 1 berjenama 'GUY CREATIVE' bersaiz 30 seperti di dalam gambar 22.

Gambar 21 – seluar.

Gambar 20 – pada seluar tersebut kita dapati 'the zipper was separated from the stiches on the right side'. Zip tertanggal pada sebelah Kanan.

Gambar 18 – jelas menunjukkan zipnya. 'The zipper was seperated from then para 6 stiches on the right side and there were avulsion of the zipper chain the zipper was missing dan butang pada depan of the pants was absent and appeared to have been ripped off telah tercabut). Dan seluar tersebut terdapat kesan darah 'bloodstains'. Pada bahagian depan seluar tersebut, bloodstains on the front groin region of right side it was present on the front, groin, groin, region, right side and back side of right thigh.

Rujuk gambar 1 di bahagian peha, terdapat kesan darah dan rujuk gambar 20, di mana seluarnya terdapat kesan darah. On the left side the blood was present from the groin, to the front and medial surface of the thigh extending down to the left knee region, dan bahagian left knee region hingga bahagian lutut terdapat kesan darah. Dan bahagian lutut seluar tersebut koyak berukuran 3.4 x 3.6 cm. The back of pants on its upper end showed multiple tears seperti gambar 24.

(saksi merujuk gambar 24)

Gambar 23 – koyak tidak jelas. So the tear was follows 3.3 cm vertical tear. Dan untuk memudahkan.

Gambar 24 – 3.3 cm vertical tear below belt line and close to midline.

Below number 1, ini adalah jelas A 13.4 cm vertical tear on the outer side of the right Gluteal region close to the outer end of the right back pocket.

Menunjukkan A horizontal 'Z' shaped tear across both Gluteal regions, with its right vertical tear measuring 9 cm, its horizontal tear measuring 37 cm and its left vertical tear measuring 7.4 cm. Multiple small punctuate holes on the back of right lower Gluteal region. 8 cm vertical tear on the inner side of gambar no (4) and below horizontal bar on no (4). A 10 cm vertical tear on the inner side and below no (vi)

Gambar 23 – menunjukkan kesan darah dibahagian bawah kaki sebelah kanan dibelakang. Simati juga memakai seluar dalam iaitu berjenama "BRENTWOOD" – gambar 25 dan menunjukkan kesan darah at right side at back of perineal region.

Gambar 26 – kesan koyak. Juga terdapat another horizontal tear 3.5 cm. Front part of perineum region showed a small tear measuring 1 cm.

Saya juga menunjukkan kesan kecederaannya. Ini juga boleh dirujuk dalam rajah yang kami sertakan.

- i) Multiple punctuate abrasions over right forehead over an area measuring 7 x 2.8.

Mahkamah : Doktor adakah ini kecederaan yang dialami oleh simati.

SI 10 : Ya kecederaan yang dialami oleh simati.

Gambar no. 2 ialah

- ii) 5.5 x 5 cm haematoma over right cheek with overlying abrasion measuring 1 x 1cm . Gambar jelas menunjukkan

Mahkamah : According to drawing so now no. 2.

SI 10 : Yes.

Mahkamah : Stand down – 10.40 am

t.t Azmil Muntpaha bin Abas

11 : 30 am

Pihak-pihak seperti tadi.

SI 10

Nama : Dr. Khairul Azman bin Hj. Ibrahim

Saksi masih dalam sumpah.

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

Pemeriksaan oleh Timbalan Pendakwaraya:

Q : Doktor teruskan kecederaan yang diatasi ke atas mayat?

- A :
- 3) Abraded laceration over right side of lower lip measuring 4cm x 1.4cm
(show the photograph no. 27)
 - 4) A horizontal abraded laceration over the chin measuring 5.5x1 cm, with midline fracture of the mandible and loss of the right upper incisor
(refer same photograph).
 - 5) Small abrasion over front of left side of neck, 1.5 cm away from midline oblique position measuring 2x0.5cm.
(refer same photograph)
 - 6) Bulge due to fracture and dislocation of right sacro-iliac joint.
Other pelvis bones fracture was also felt on palpation.
Overlying skin shows a small abrasion measuring 1.3x0.6 cm (gambar tidak jelas)
 - 7) Laceration over anal orifice exposing the underlying soft tissue measuring 6x2 cm with extended laceration at 3 o'clock, 6 o'clock and 8 ' o' clock positions
(refer photograph no. 29)
 - 8) A parchmented abrasion involving the lower fold of the gluteum on both sides measuring from left to right 25.5x3x (refer photograph no. 29)
 - 9) Multiple pinhead size to 1 cm in diameter size punctated parchmented abrasions over back and outer aspect of right thigh.
(refer same photograph no. 29)

- 10) Z-shape laceration over left heel, total length 7.5 cm and 1 to 2 cm thick. The underlying heel bone was fractured. The other tarsal and metatarsal bones were also fractured (refer to the photograph no. 28).
- 11) Diffuse multiple areas of pin point to pin head size ecchymosis over inner aspect of middle 1/3 of right arm up to the right index finger, more prominent on lower 1/3 of the front of right forearm measuring 50x9/5 cm. A fracture of middle 1/3 third of right humerus was present (saksi rujuk dalam rajah)
- 12 a) The left forearm showed ecchymoses over inner side of left forearm measuring 9x4 cm. The underlying forearm bones were fractured. (saksi rujuk dalam rajah)
- 12 b) The left arm bone was fractured.
- 13) A rectangular imprint abrasion due to buckle of wrist watch measuring 4.5x2cm is present on the front aspect of the left wrist (refer to the photograph on paragraph)
- 14) Patchy area of irregular parchment abrasion over umbilicus and lower abdomen covering an area of 13x20cm. (refer to the photograph no. 3)
- 15) Multiple linear ecchymosis on the left side of chest 2 cm from midline overlying 2nd, 3rd, 4th and 5th left ribs (refer to the photograph no.3) (Bahagian dada sebelah kiri)

- 16) Multiple linear pin point to pin head size ecchymosis over outer side of right shoulder covering an area of 6.5x2cm – (refer the photograph no. 3)
- 17) Small bruise over left scrotum measuring 1x1 cm (refer to rajah no. 17)
- 18) Small abrasion over medial aspect of left groin measuring 4x2 cm (refer to rajah no. 18 and photoraph no. 29)
- 19) Multiple closed fractures of right shaft of femur with haematoma over front of right thigh measuring 12/10cm (refer to rajah no. 19)
- 20) A large area of punctuate abrasion over the front right thigh, right knee and right shin covering an area of 60x8x5 cm. A laceration was present just above the right ankle, measuring 5x2 cm, and is associated with multiple fractures of the distal 3rd of the right tibia and fibula. The right tarsal also showed multiple fractures. (refer to rajah no. 20)

Gambar 31 – juga menunjukkan laceration present just above of the ankle measuring 5cm.

- 21) Multiple irregular parchmented abrasion extending from left Knee to middle 1/3 of left shin measuring over an area of 25x9x9cm with multiple fractures of the left tibia and fibula. (refer photograph no. 30).
- 22) The right leg was shorter than the left leg

Q : Itu adalah pemeriksaan luar, apakah hasil pemeriksaan dalam kamu dan Dr. Prashant?

A ; Saya juga memeriksa di bahagian kepala dan leher, abdomen, saya dapati from this report page 5 – “The scalp showed a small hematoma at the vertex. The dura was intact. The skull showed fracture along the suture at the vertex and terminating was a hairline fracture to the right of the midline.

(saksi merujuk gambar 47)

The brain weighed 1655 gms and showed subarachnoid haemorrhage over the right fronto-temporo-parietal surface. There is minimal cerebral edema.

There was no tongue bite or bruising of the tongue. Lower jaw (mandible) was fractured at midline with loss of right upper incisor. The soft tissue of the neck, below the fractured lower jaw showed an area of soft tissue haemorrhaging extending downwards. The middle part of left sternomastoid muscle showed area of haemorrhaging. The hyoid bone and thyroid cartilage were intact. The body of C4 vertebra was fractured and the adjacent area showed area of haemorrhage.

Look photograph 3 – describe soft tissue of the neck. The anterior chest was depressed and showed patchy area of bruising of the chest wall muscles.

Mahkamah : What the medical terms you use, explain later.

Deputy Public Prosecutor : Will ask later.

Mahkamah : Seterusnya Dr. bahagian Thorax.

Gambar 41 – muka surat 5, para 3. The left 1st and 10th ribs were fractured and

the right 1st and 12th ribs were fractured involving the posterior angle. Maknanya terdapat pendarahan dalam rongga dada. ...bercampur dengan darah beku. The right chest cavity contained 100 ml of fluid blood. The right lung weighed – 335 gms and the left lung weighed – 215 gms. The hilar region of both lungs is haemorrhage and the haemorrhage is extending along the thoracic aorta. The diaphragmatic surface of right lung showed a tear measuring 12x2 cm and the cut surface is haemorrhagic.

Gambar 39 – menunjukkan paru-paru kanan, the left lung shows 2 tears over the upper lobe medial aspect 6x2cm and 6x2cm. The cut surface of left lung shows patchy areas of haemorrhages.

The pericardial sac yaitu sampul jantung – jantung juga mengalami kecederaan.(the pericardial sac was torn.....autolysed).

Jantung nya telah didapati membusuk, pembuluh jantung (chambers of heart and the valve are intact. The coronaries are patent, otherwise normal

Pada bahagian abdomen tiada carian yang jelas. Pada bahagian mesenteric terdapat kesan pendarahan dan terdapat pendarahan pada bahagian right retroperitoneal haematoma and some blood at right hypochondrium region. Bahagian kanan atas abdomen. The stomach contained traces of brownish fluid which was taken for toxicology analysis. The gastric mucosa was normal. The rest of the GIT was unremarkable.

Hatinya atau liver weighed 975 gms and showed laceration on anterior lip at the junction of the right and the left lobes and linear superficial lacerations on superior surface of the right lobe.

The spleen weighed 130 gms and the cut surface was unremarkable adalah normal.

The right kidney weighs – 85 gms and the left kidney weighs- 120 gms is normal weight. Both kidneys undersurface was greenish stained. There was an area of haemorrhage over the medial aspect extending to an area around right adrenal gland. Cut surface of both kidneys are unremarkable. Dan permukakannya terdapat kesan warna hijau dan terdapat sesuatu menusuk.

Juga terdapat kesan pendarahan pada bahagian kanan tengah buah pinggang dan kesan darah tersebut juga terdapat pada adrenan gland.

Buah pinggang adalah normal. The right adrenal was surrounded by haemorrhage.

The right sacro- iliac joint showed fracture dislocation. The sacrum showed multiple fragmented fractures.

Q : Medical terms to ask the doctor to explained. Mungkin dari muka surat 5 kita mulakan?

Q : Doktor tolong jelaskan haematoma?

A : Lebam pendarahan.

Q : Vertex?

A ; Atas kepala.

Q : Dura?

A : Selaput otak yang tebal.- rujuk gambar 46.

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

Q : Bahagian kepala?

A : Di bahagian atas.

Q : "subarachnoid haemorrhage".

A : Pendarahan bawah selaput otak

(saksi merujuk gambar no.48)

Q : Minimal cerebral edema?

A : Edema – bengkak.

Q : 'sternomastoid muscle'

A : Otot dileher.

Q : C4 vertebra?

A ; Tulang leher ke-4 bahagian depan telah retak.

Q : Manubrium-sterni was fractured?

A : Tulang bahagian depan (dada).

Q : 'pericardial sac'?

A : Jantung dibalut oleh sampul jantung.

Q : Mesenteric haematoma?

A : Pendarahan dalam bahagian lemak (bahagian dalam lemak)

Q : Retroperitoneal haematoma?

A : Bahagian belakang (dalam abdomen).

Q : Hypochondrium region?

A : Sebelah kanan atas abdomen hampir tulang rusuk.

Q : Gastric mucosa?

A : Dinding bahagian dalam lambung (abdomen).

Q : Sacro illiac joint?

A : Sendi di bahagian (gambar dirujuk) dekat pelvis.

(saksi merujuk gambar)

Q : Muka surat 4 report – apa makna punctated parchmented abrasions?

A : Punctuated – bintik2 dan parchmented – kulit yang kering dan keras.

Q : Gluteum?

A : Punggung

(saksi merujuk gambar no. 29)

Q : Abraded laceration?

A : Luka yang calar

(saksi merujuk gambar no. 3)

Q : Doktor dalam bedah siasat apakah sebab kematian?

A : Sebab kematian yang kami beri adalah multiple injuries due to fall from height. Kecederaan berganda akibat dari jatuh dari tempat tinggi.

Q : Berdasarkan kecederaan simati bagaimanakah simati mendarat di lantai? Tolong tunjukkan?

A : Pada pendapat saya berdasarkan kecederaan yang kami periksa simati dipercayai mendarat dengan kakinya lebih kepada kaki sebelah kanan dan dipercayai badan juga sedikit condong ke kanan dan juga punggungnya juga 'landing' sama, mungkin kemudian, mungkin serentak dan ada juga kemungkinan ianya condong ke depan berdasarkan tulang rusuk yang patah dan juga terdapat punctuate abrasions bintik-bintik di bahagian depan tangan.

Q : Berdasarkan pemeriksaan autopsi apakah pendapat doktor si mati, samada mendarat secara kepala dahulu?

A : Pada pendapat saya simati mendarat di kaki semasa mendarat ianya terjerumus dan tersungkur dan mengiring ke kanan. Dari kecederaan simati landing senget. Ianya bengkok sedikit dan terjerumus dan badannya terpelanting sedikit dan menyebabkan simati jatuh.

(saksi menunjukkan aksi bagaimana simati jatuh)

Q : Pada pendapat doktor adakah kecederaan yang dialami si mati konsisten dengan beliau n jatuh di tempat tinggi?

A : Pada pendapat saya, kecederaan dialami bersesuaian dengan simati jatuh dari tempat yang tinggi.

Q : Pada pendapat doktor apakah anggaran masa kematian?

A : Anggaran masa kematian yang saya boleh beri berdasarkan pada keadaan mayat yang belum busuk saya percaya simati mati kurang dari 36 jam dari tarikh pemeriksaan dan masa bedah siasat tetapi saya juga berkesempatan untuk memeriksa kaku mayat ditempat kejadian dan saya dapati ianya telah kaku dan pada pendapat saya iaitu pada pukul 7.30 mlm pada 16.7.2009. Kaku mayat telah berlaku ianya bermakna simati mungkin telah mati 6 atau 8 jam sebelum itu. Tetapi saya juga telah diberitahu oleh ada seorang security guard telah jumpa mayat tersebut pada pukul 2 ptg. Bermakna simati mungkin mati sebelum itu.

Q : Sila lihat m/s 1 laporan kamu, kamu mengatakan date and time of death apa maksudnya?

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

A : Inilah adalah time found death.

Q : Time found dead by whom?

A : Oleh kakitangan security.

Mahkamah : Siapa yang camkan mayat?

Q ; Siapa telah mengecam mayat Teoh Beng Hock

A : Mayat telah dicam oleh Teoh Meng Kee (Abang simati).

Q : Ic number?

A : 760107-04-5113.

Q : Dan?

A : ASP Ahmad Nazri bin Zainal.

Q : Nombor dan pangkat?

A : G 13339 dan pangkat ASP.

Q : Doktor dari pembedahan dan pemeriksaan mayat yang kamu telah jalankan adakah kamu dapati apa-apa kecederaan ketara, pergelutan atau "obvious injuries of struggle"?

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

A : Tidak ada.

Q : Dari pembedahan dan pemeriksaan yang telah kamu jalankan, adakah kamu dapati apa-apa kecederaan ketara mempertahankan diri atau 'obvious injuries of self-dence- defensives injuries .kepada bahagian kedua-dua tangan simati atau 'upper limbs?

A : Tidak terdapat kecederaan yang ketara, kecederaan akibat luka tangkis.

Q : Boleh maksud kecederaan luka tangkis?

A : Kecederaan diperolehi mangsa ketika menangkis serangan contohnya luka di bahagian luar tangan ataupun luka di bahagian tapak tangan untuk menangkis apa-apa serangan ataupun luka dibantai lebam jadi tidak ada terdapat kesan tersebut.

Q : Selain daripada bahagian kedua-dua tangan simati dari pembedahan dan pemeriksaan mayat yang kamu jalankan, adakah kamu dapati apa-apa kecederaan ketara?

A : Pada pendapat saya, saya tidak nampak kecederaan 'self defense' yang jelas pada bahagian badannya kecuali terdapat kesan jatuh daripada tempat tinggi.

Q : Doktor adakah kamu melawat tempat kjejadian?

A ; Ya, saya ada melawat tempat kejadian bersama Dr. Prashant?

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

Q : Tarikh dan masa?

A : Pada petang 16.7.2009 dan pada 22.7.2009.

Q : Lawatan yang pertama 16.7.2007 doktor pergi ke tempat kejadian dengan siapa?

A : Saya pergi seorang berjumpa dengan Dr. Prashant dan Dr Ahmad Shah dan ASP Ahmad Nazri dan berapa pegawai polis?

Q : Jam?

A : Jam 6.40 petang.

Q : Apa berlaku selepas kamu sampai di situ?

A : Kita ada memeriksa kawasan tersebut, kawasan tempat mayat dijumpai saya dapati ianya ditutup dengan plastik hitam dan setelah dibuka didapati satu mayat lelaki cina yang terbaring mengiring ke kanan dengan tangan kirinya di atas, sebahagian tangan kanannya terhimpit ke bawah oleh badannya dan kaki kirinya di atas dan kaki kanan di bawah dan pada kaki kanannya masih terdapat kasut yang dipakai tetapi pada kaki kiri tidak terdapat kasut.

Q : Pohon rujuk saksi pada ID 1. Lihat gambar 1,2,3,4,5 dan 6. tadi doktor katakan simati telah ditutup dengan plastik hitam selain di tutup adakah mayat dijumpai dengan keadaan yang kedudukan ini. Apakah tujuan kamu sebagai pakar forensic untuk pergi melawat tempat kejadian?

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

A : Ya, tujuan saya adalah untuk mendapat gambaran yang lebih jelas,

keadaan, tempat kejadian tempat tersebut supaya menyenangkan kami untuk menerangkan cara mana simati mengalami kecederaan.

Q : Apa yang diceritakan kepada Mahkamah, apakah telah berlaku di tempat itu?

A : Saya dapati ada darah berhampiran dengan mulut simati dan juga kami memeriksa kawasan berhampiran mayat tersebut dan dapati terdapat kesan calar pada lantai iaitu berhampiran dengan bucu saluran air hujan iaitu di tempat. Saksi menunjuk gambar no 3.

Q : Sila terangkan apa yang kamu periksa di tempat kejadian?

A : Kita juga memeriksa tangan simati dan didapati kaku mayat telah wujud pada jam 7.30 ptg.

Q : Doktor adakah sentuh mayat atau tidak?

A : Saya tidak sentuh mayat. Yang sentuh adalah Dr. Prasanth.

Q ; Selepas itu apa yang berlaku?

A : Selepas itu kita lebih banyak berbincang untuk menentukan di mana kaki dia mendarat kita juga memeriksa kasut yang terdapat pada kaki kanan simati dan kita juga menjumpai kasut sebelah kaki kirinya berada tidak jauh dari tempat iaitu di dalam gambar 1 dan 2.

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

(saksi merujuk gambar 1 dan 2)

Q : Apa lagi doktor buat di tingkat 5 di mana mayat dijumpai, ada apa-apa lagi? Selepas tingkat 5, ada pergi ke mana-mana?

A : Selepas tingkat 5, saya bersama Dr Prashant dan anggota polis yang lain naik ke atas sebelum itu saya pandang ke atas untuk mencari tempat yang mana kemungkinan dia jatuh dan saya dapati ada satu tingkap yang terbuka luas pada tingkat yang lain hampir bertentangan dengan mayat dijumpai dan saya diberitahu bahawa itu adalah tingkat 14.

Q : Diberitahu oleh siapa?

A : Diberitahu oleh ASP Ahmad Nazri.

Doktor Prashant ada ambil gambar tingkat bawah semasa kami diatas ditingkat 14, saya di bawa di bahagian di mana tingkap tersebut dan juga berkesempatan menanya di mana simati disoal oleh pegawai SPRM

Q : Menanya siapa?

A : ASP Ahmad Nazri.
Dan juga menunjukkan tempat di mana simati rehat, setelah disoal siasat dan juga tempat ianya dijumpai kali terakhir semasa hidup. Saya ada mengukur bahawa paras bahu tingkap tersebut lebihkurang paras pinggang dan saya dapati di sana tidak ada apa-apa kesan darah tidak ada kesan-kesan barang bertabur dan ataupun barang-barang yang pecah.

SI 10 – KHAIRUL AZMAN BIN HJ. IBRAHIM

Q : Gambar 7 – ID1. Adakah ini tingkap yang dimaksudkan?

A : Ini adalah tingkap yang dimaksudkan.

Mahkamah : Stand down – 2.00 petang.

t.t Azmil Muntapha bin Abas

11hb Ogos 2009

Koroner : Tuan Azmil Muntapha bin Abas

Timbalan Pendakwaraya (TPR) : Tuan Idham bin Abdul Ghani
(dilantik oleh Kerajaan Malaysia) Encik Tan Hock Chuan
Encik Cains Tan
Encik Justin Wee
Mohd Abbaszafree b. Mohd Abas

Peguam Pemerhati
(untuk keluarga simati) : Encik Gobind Singh Deo
Encik S.N Nair
Encik Ram Karpal Singh
Encik Karpal Singh
Encik Lim Lick Eng

Peguam Pemerhati
(Kerajaan Negeri Selangor) : Encik Malik Imtiaz Sarwar
Cik Asma binti Mohd Yunus
Encik Ashok Kandiah
Encik Sreekant Pillay

Peguam Pemerhati
(Majlis Peguam) : Encik Richard Wee
Encik Cheow Wee
Encik Syahredzan Johan
Cik Jun Low
Encik M. Sivanathan
Encik Rajpal Singh

Mahkamah : Sambung sebelah petang dengan saksi kesepuluh.

Deputy Public Prosecutor : Saksi kesepuluh tidak berapa sihat pada sebelah petang. Dengan persetujuan kesemua pihak, kami mohon supaya beliau sambung keterangan esok pagi. Should be able to finish him by tomorrow afternoon.

Encik Gobind: Mohon kes mula pukul 10 pagi kerana saya dan rakan saya kena hadir di Mahkamah Tinggi KL 45-10-2009 P.P lwn Karpal Singh.

Deputy Public Prosecutor: Tiada halangan untuk prosiding dimulakan pada pukul 10.30 pagi.

Mahkamah : Kes akan disambung esok untuk sambung keterangan Dr. Khairul (SI10).

t.t. Azmin Muntapha b. Abas.